



JEMPUTAN CADANGAN BERTULIS BERKENAAN TAKRIFAN DAN RANGKA PIAWAIAN UCAPAN KEBENCIAN

5 DISEMBER 2025

Pada 20hb Ogos 2025, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) Keharmonian Kaum dan Agama telah bersetuju untuk membangunkan suatu dokumen takrifan dan rangka piawaian ucapan kebencian termasuk ucapan yang berkaitan dengan "3R" (*race, religion dan royalty*).

Susulan sesi libat urus bersama Kementerian Perpaduan Negara dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, kalangan ahli KRPPM-KKA berpendapat bahawa adanya kekaburan definisi "3R" atau ucapan kebencian yang sering digunakan tanpa takrifan rasmi memberi ruang kepada interpretasi yang luas. Dokumen yang dicadangkan diharapkan dapat menjadi rujukan objektif dan membantu mengurangkan kekaburan dalam penguatkuasaan undang-undang.

Merujuk kepada **Susunan Libat Urus Takrifan dan Rangka Piawaian Ucapan Kebencian**, pihak Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) Keharmonian Kaum dan Agama **menjemput pihak berkepentingan untuk menghantar cadangan bertulis** bagi mendengar pendapat dan pandangan secara mendalam dan menyeluruh sebelum pelaksanaan mesyuarat libat urus bersemuka. Butiran cadangan bertulis disertakan bersama dalam Lampiran A.

Cadangan bertulis fasa pertama boleh dihantar ke Sekretariat KRPPM-KKA melalui Tuan Najmi Hakim di najmi@aodmalaysia.org selewat-lewatnya pada **11.59 malam, 31hb Disember 2025**. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada saluran yang sama.

Sekian, terima kasih.

**Sekretariat Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
Keharmonian Kaum dan Agama**

LAMPIRAN A

BUTIRAN HANTARAN CADANGAN BERTULIS

1. Saluran Hantaran

E-mel sahaja: najmi@aodmalaysia.org

Tarikh Akhir Hantaran: 11.59 malam, 31hb Disember 2025

2. Format Cadangan Bertulis

- 2.1. Isi cadangan bertulis harus jelas, padat dan berstruktur, menjawab dua persoalan libat urus berikut:

1. Apakah **definisi** ucapan kebencian yang harus digunakan dalam tafsiran undang-undang Malaysia?

2. Apakah **faktor** yang patut dipertimbangkan dalam penentuan ucapan kebencian mencapai **nilai ambang (*threshold*) dianggap sebagai kesalahan jenayah**?

- 2.2. Cadangan bertulis tidak melebihi 1,500 patah perkataan. Lampiran atau dokumen sokongan dibenarkan.
- 2.3. Cadangan bertulis perlu jelas menyatakan pihak penghantar, sama ada organisasi atau individu.
- 2.4. Cadangan bertulis harus dihantar dalam **dua-dua format PDF dan Word (.docx)**.

3. Pengesahan Penerimaan

Setiap hantaran bertulis akan disahkan penerimaannya oleh Sekretariat melalui emel.

4. Keterbukaan dan Ketelusan

Semua cadangan bertulis yang diterima akan dikongsi secara terbuka kepada umum sebagai sebahagian daripada prinsip ketelusan proses libat urus. Penyumbang diingatkan bahawa isi kandungan mereka dapat diakses dan dirujuk oleh orang awam.